

→ PRIHATIN

KanWork sedia platform kumpul dana

→ Perudahkan orang ramai beri sumbangan bantu pesakit kanser

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias
wanti@bh.com.my

► Serdang

Persatuan Kanser NetWork Selangor dan Wilayah Persekutuan (KanWork) memperkenalkan platform mengumpul sumbangan 'MyGift2KanWork' untuk membantu kebajikan pesakit kanser. Platform menerusi <http://donate.kanwork.org> yang dilancarkan hari ini membolehkan orang ramai menyumbang secara terus kepada persatuan itu.

Pengerusi KanWork, Dr Mazanah Muhamad, berkata KanWork tidak memiliki sebarang sumber tetap dari mana-mana pihak sejak diwujudkan pada 2005 lalu.

Katanya, ketika ini kegiatan persatuan itu hanya bergantung kepada yuran keahlian sebanyak RM30 setahun dan sumbangan orang ramai.

"Sumbangan ini tidak cukup untuk menampung semua kegiatan seperti program pendidikan, kesedaran awam, sokongan pesakit dan penerbitan bahan maklumat mengenai kanser.

"Kami juga mempunyai talian bantuan 1 800 228672 yang beroperasi pada waktu pejabat bagi sesiapa sahaja yang ingin mendapatkan maklumat kesihatan, pencegahan dan sokongan moral berkaitan penyakit kanser.

"Usaha ini perlu dilakukan berterusan bagi menghapus persepsi bahawa kanser tidak boleh dicegah atau dirawat," katanya selepas melancarkan 'MyGift2KanWork' pada KanWork Charity Hi-Tea 2017 di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini,



[FOTO KHAIRUL AZHAR AHMAD/BH]

Mariam Mas (kiri) ketika melancarkan My Gift 2 KanWork di Universiti Putra Malaysia, semalam.

semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Datuk Mariam Mas Yacob dan Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris.

Sementara itu, bekas pesakit kanser payudara, Wan Hanisah Wan Omar, 63, menceritakan pengalamannya mengesan awal kanser mampu menyelamatkannya daripada terus merebak dan sukar dicegah.

"Saya sentiasa membuat pemeriksaan kesihatan setiap tahun sehingga doktor mengesan satu ketulan kecil pada tahun 2006.

"Alhamdulillah selepas melakukan pembedahan mengeluarkan ketulan itu pada tahun 2007 tanpa perlu membuang payudara, saya sudah bebas daripada penyakit itu dan tidak berulang kembali," katanya.

Info

Persatuan Kanser NetWork Selangor dan Wilayah Persekutuan

- **Talian bantuan** 1 800 228672 yang beroperasi pada waktu pejabat bagi sesiapa sahaja
- **Yuran** keahlian RM30 setahun